

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Hari Wanita Antarabangsa MOSTI	Utusan Malaysia
2	Nisbah pelajar menengah ambil aliran sains jauh tersasar	Bernama.com
3	Kaedah tentu aras suhu tertinggi	Harian Metro
4	Usul hadapi gelombang haba	Harian Metro
5	Radar kereta karut	Harian Metro
6	Hot spell to abate by next month	Malay Mail
7	Inter-monsoon season in April will bring reprieve	The Star
8	Guidelines on heatwave	New Straits Times
9	Action plan to tackle heat	The Star
10	Cadangan tubuh jawatankuasa khas mengenai cuaca panas dibawa ke kabinet	Bernama.com
11	Fenomena El Nino jejaskan pengeluaran dan jadual penanaman padi - MARDI	Bernama.com
12	Hujan dua jam dinginkan bandar Taiping	Bernama.com
13	Gempa bumi sederhana landa kepulauan Talaud	Bernama.com
14	Didakwa boleh sembuh penyakit	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)



HARI WANITA ANTARABANGSA MOSTI

PENASIHAT Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil semasa hadir merasmikan program Hari Wanita Antarabangsa MOSTI: Wanita Dalam Bidang Sains anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Kuala Lumpur, semalam. Turut serta Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Noorul Ainur Mohd. Nur (tiga dari kiri). - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR



Nisbah Pelajar Menengah Ambil Aliran Sains Jauh Tersasar

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Nisbah pelajar peringkat menengah mengambil aliran Sains kini jauh tersasar daripada matlamat yang telah ditetapkan kerajaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur berkata pada tahun 1967, kerajaan menyasarkan kadar peratusan pelajar aliran Sains berbanding Sastera dengan nisbah 60:40.

"Namun keadaan semakin membimbangkan ketika ini apabila hasil kajian Akademi Sains Malaysia mendapati kita hanya mencapai 20 peratus pelajar aliran Sains dan 80 peratus aliran Sastera," katanya ketika berucap pada Forum Wanita Dalam Sains sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa MOSTI di sini, Rabu.

Majlis itu dirasmikan Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata minat golongan itu terhadap bidang tersebut perlu dipupuk dan ditingkatkan memandangkan mereka merupakan pelapis pasaran tenaga kerja pada masa hadapan.

Justeru, beliau berharap kementerian dan agensi berkaitan dapat mengadakan usaha sama mewujudkan program yang berkesan bagi memupuk minat masyarakat terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi.

Dalam perkembangan berkaitan, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia Hazami Habib berkata golongan pelajar perlu diberi gambaran lebih jelas berhubung jenis pekerjaan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi yang boleh mereka ceburi.

"Pelajar ini tak nampak pelbagai kerjaya yang ada dalam bidang sains sebab tak pernah ditonjolkan dan mereka hanya nampak cuma kerjaya profesional seperti peguam, ahli ekonomi dan doktor.

"Mereka tak tahu dalam bidang sains ini ada pelbagai peluang kerjaya contohnya ahli taksonomi (ahli sains pengelasan hidupan) dan di Malaysia setakat ini hanya ada dua orang," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)

Kuala Lumpur: Paras gelombang haba di negara ini berlaku apabila suhu tertinggi harian (atau suhu maksimum) sesuatu tempat mencapai 35 darjah Celcius untuk lima hari berturut-turut dan melebihi dua darjah Celcius daripada purata jangka panjang suhu maksimum.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata, ia juga berlaku apabila suhu tertinggi harian mencapai atau melebihi 37 darjah Celcius untuk tempoh tiga hari berturut-turut bagi tempat itu.

Beliau berkata, keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan fenomena gelombang haba, iaitu situasi yang boleh membawa risiko kesihatan hipertermia atau strok haba.

"Sehingga Ahad lalu, suhu tertinggi dicatatkan

Kaedah tentu aras suhu tertinggi

adalah 38.5 darjah Celcius iaitu di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis.

"Setakat ini, suhu tertinggi yang pernah direkodkan di Malaysia ialah 40.1 darjah Celcius di Chuping, Perlis pada 1998 iaitu semasa kejadian El-Nino kuat pada 1997/1998," katanya menerusi kenyataan di sini, kelmarin.

Kelmarin, media melaporkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, Kementerian Pendidikan (KPM) akan memutuskan sama ada sekolah perlu ditutup sekiranya cuaca panas melampau masih berterusan selepas tamat cuti pertengahan penggal pertama perseko-

lahan minggu ini.

Menerusi catatan dalam blog www.najibrazak.com, beliau dilaporkan berkata, pada masa ini, langkah sedia ada adalah memberi kuasa mengikut budi bicara pengetua dan guru besar untuk membatalkan aktiviti luar kelas jika keadaan memaksa.

Madius berkata, tidak mustahil sekiranya suhu maksimum tahun ini mencapai 40 darjah Celcius.

Menurutnya, menjelang April depan, cuaca panas dan kering dijangka berkurangan berikutan bermulanya musim peralihan di mana cuaca akan menjadi lebih lembab dengan kejadian ribut petir pada lewat petang.

MUSIM panas tidak menghalang orang ramai untuk menyertai aktiviti luar.



KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)

Usul hadapi gelombang haba

Putrajaya: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan membawa usul penubuhan sebuah jawatankuasa khas ke Kabinet Jumaat ini sebagai persediaan menghadapi cuaca panas dan kering melampau serta fenomena gelombang haba.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya juga akan membincangkan sama ada jawatankuasa khas itu akan diletakkan di bawah kementeriannya atau Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menurutnya, penubuhan jawatankuasa khas itu penting bagi menyelaras kesiapsiagaan menghadapi cuaca panas dan kering menerusi bidang kuasa di bawah jabatan dan agensi tertentu.

Pada masa sama, beliau berkata, cadangan garis

panduan juga akan dibincangkan, sekali gus bagi membolehkan orang ramai merancang aktiviti harian serta mengambil langkah penjagaan kesihatan semasa situasi berkenaan.

"Garis panduan ini penting bagi memberi maklum dan amaran kepada masyarakat jika keadaan suhu mencapai tahap tertentu.

"Misalnya, jika suhu 35 darjah Celsius selama lima hari berturut-turut atau 37 darjah celsius untuk tiga hari berturut-turut, kami akan menasihatkan masyarakat supaya minum banyak air atau kurangkan aktiviti di luar sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas bagi membincangkan cuaca panas yang melanda negara di sini, semalam.

Pada masa sama, Wan Junaidi berkata, dalam garis panduan itu, pihaknya turut mencadangkan mengenai langkah penutupan sekolah ketika berlaku keadaan sedemikian selain catuan air.

Selain itu, beliau berkata, lima tempat dikenal pasti mengalami cuaca panas dan kering selain suhu tertinggi iaitu di Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Lubuk Merbau, Perak; Batu Embun dan Temerloh di Pahang.

"Terdapat lima empangan mencatatkan paras air di bawah 50 peratus jumlah simpanannya membabitkan Empangan Labong, Johor; Empangan Gemenceh, Negeri Sembilan; Empangan Bukit Kwong, Kelantan; Empangan Padang Saga, Kedah dan Empangan Timah Tasoh, Perlis," katanya.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11

TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)



KEADAHAN teruk di Jalan Kluang-Pekan berikutan Program Pagar.

FAKTA

Alat mengukur suhu yang digunakan oleh MetMalaysia pada ketinggian 1.5 meter dari permukaan tanah di kawasan terbuka.

'RADAR' KERETA KARUT

MetMalaysia tolak dakwaan bacaan suhu tidak tepat

PENYOKOT gerah mengukut badan dengan meminum air sejuk di tepi jalan.

Oleh Fadzri Asmadi Mohd Puan
Kuala Lumpur

Bacaan suhu di dalam sebuah kenderaan adalah berbeza dengan persekitaran dan ia juga boleh digunakan dalam menentukan keadaan cuaca semasa. Ini kerana lokasi dan jenis kenderaan boleh menyebabkan bacaan suhu itu berbeza berbanding di kawasan statik sebuah stesen cuaca.

Tambahan, kerana pengiraan cuaca dan suhu melalui telefon pintar (MetMalaysia) atau bahari berbeza, suhu yang dipaparkan mungkin lain daripada suhu sebenar di kawasan tersebut.

Berikutan berbeza, pihak MetMalaysia menggunakan kaedah pengukuran suhu mengikut standard prosedur antarabangsa seperti yang diguna pakai di negara lain.

"Alat mengukur suhu yang digunakan diletakkan pada ketinggian 1.5 meter dari permukaan tanah di kawasan terbuka," kata Fadzri.

berada dalam persekitaran terbuka dan di dalam adang berbeza.

"Tajannya adalah untuk menyediakan perbandingan yang standard untuk mengukur suhu, kelembapan, dan tekanan atmosfera," katanya ketika dihubungi, semalam.

Berikutan mengulas mengenai tuntutan orang ramai yang mendakwa suhu harian yang dikeluarkan MetMalaysia jauh lebih rendah dari bacaan semasa suhu yang diperoleh mereka ketika berada dalam kenderaan di sebuah lokasi.

Menurut Alai, selain faktor kenderaan juga banyak dipengaruhi oleh faktor lokasi serta rekaman atau jenama kenderaan itu sendiri.

"Selain itu, alat pengukur suhu yang digunakan oleh kenderaan juga berbeza kerana bacaan suhu di kenderaan mungkin juga mempunyai perbezaan dengan jenama kereta biasa," katanya.

Sementara itu, Alai turut memohon orang ramai supaya melihat bacaan suhu melalui laman di pejabat cuaca semasa MetMalaysia lagi menunjukkan cuaca sebenar semasa kenderaan.

van dan bukan hanya akan sahaja semasa.

"Kita akan memastikan bacaan suhu dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai keadaan cuaca semasa semasa laman web rasmi MetMalaysia," katanya.



SOKUMPUAN pelajar Universiti Putra Malaysia berpagung mendaki bukit.



TEMBAKAI yang dijual di Kampung Banggol Pauh mendapat sambutan luar biasa.



PENJUAL menjual air kelapa dalam botol untuk dibayar ke perantara di sekitar Pagar Peta.



PENTERNAK kudu melihatkan sukar padi yang merosot.

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)

Hot spell to abate by next month



The Sungai Selangor dam's water level was at 86.51 per cent yesterday. — Picture by Muzakkir Szali



Temperature forecast today

KOTA BAHU	MAX: 32°C
KUALA TERENGGANU	MAX: 32°C
KUANTAN	MAX: 33°C
GEORGE TOWN	MAX: 35°C
IPOH	MAX: 36°C
ALOR STAR	MAX: 38°C
KANGAR	MAX: 37°C
PUTRAJAYA	MAX: 34°C
KUALA LUMPUR	MAX: 34°C
PETALING JAYA	MAX: 35°C
SEREMBAN	MAX: 34°C
MALACCA	MAX: 34°C
JOHOR BARU	MAX: 33°C
KUANG	MAX: 33°C
KOTA KINABALU	MAX: 33°C
LARUT	MAX: 32°C

KUALA LUMPUR — The almost unbearably hot and dry weather brought by the El Nino phenomenon is expected to abate by April.

Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said the succeeding inter-monsoon season would restore humidity and lower the temperature.

El Nino, which swept over the country in December and January, is a phenomenon caused by rising temperature over the east and central surface of the Pacific Ocean in the equatorial region, occurring every two to seven years.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) climatology and oceanography expert Prof Dr Fredolin Tangang said the phenomenon was in the descending phase.

"We have an extraordinarily hot spell during this phase, particularly this month," he said.

Fredolin, who has been studying the phenomenon for 20 years, said northern peninsula, northern Sarawak, Sabah and Southern Philippines would experience extremely dry and hot weather during the phase.



The Science Technology and Innovation Ministry in a statement said the temperature could likely reach 40 degrees Celsius.

It cited Chuping district in Perlis, which recorded a reading of 39 degrees Celsius two days ago.

However, the highest reading in the country's history was 40.1 degrees Celsius, recorded also in Chuping in 1998.

The statement also said the sweltering weather could trigger a heat wave which posed health risks such as heatstroke.

The water level at all main dams in the country is still holding out.

National Water Services Commission

chief executive officer Datuk Mohd Ridhuan Ismail said current water production and consumption were not yet at a worrying stage.

"Currently, we have no plans to carry out water rationing," he told Bernama.

In **SHAH ALAM**, the water level at the seven dams in Selangor remained at more than 70 per cent as of yesterday.

Lembaga Urus Air Selangor in its portal stated the water level at Langat dam stood at 70.16 per cent while at Sungai Selangor dam, 86.51 per cent.

The water level at Semenyih dam was at 85.32 per cent while Klang Gates dam, 80.98 per cent; Sungai Tinggi dam (88.21 per cent); and Tasik Subang dam (97.51 per cent).

The water-level reading on March 11 showed the Sungai Labu off river storage to be at 57.66 per cent and Batu dam, at 83.36 per cent.

In **JOHOR BARU**, agriculture and agro-based industry committee chairman Ismail Mohamed said the state government had implemented various measures to alleviate the situation.

"Among others, we acquired 'deep wells' costing RM1 million from the Agriculture and Agro-based Industry Ministry for 66 farmers in Johor's largest vegetable cultivation at Sengkang Batu 18, Bukit Gambir," he said.

Ismail said the farmers were also encouraged to use fertigation and hydroponics to ensure they could at least meet the minimum demand during the dry spell while increasing production.

In **KUALA TERENGGANU**, an academician said the drastic sea temperature rise due to El Nino would adversely impact not only coral reefs but also marine life and biodiversity.

Universiti Malaysia Terengganu vice-chancellor Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar said fish, for instance, needed the coral reefs to thrive and if the latter died or coral bleaching occurred, the marine resources would deplete.

"On the other hand, El-Nino provides an advantage to marine life and biodiversity researchers and scientists," she said.

"It allows them to find out how the coral reefs or marine life could still survive and sustain despite the threats." — Bernama

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)

Inter-monsoon season in April will bring reprieve

KUALA LUMPUR: The almost unbearably hot and dry weather caused by El Nino is expected to ease by April.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said the inter-monsoon season then would restore humidity and lower temperatures.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) climatology and oceanography expert Prof Dr Fredolin Tangang said the El Nino phenomenon, which swept over the country in December and January, was in the descending phase.

"We have had an extraordinarily

hot spell during this phase, particularly this month," he said.

Fredolin, who has been studying the phenomenon for 20 years, said the north of the peninsula, northern Sarawak, Sabah and southern Philippines had been experiencing extremely dry and hot weather.

In a statement, the Science Technology and Innovation Ministry said temperatures in the country could reach 40°C, pointing out that Chuping in Perlis hit 39°C two days ago.

The highest reading in the country's history was 40.1°C, also in Chuping in 1998, during the last

severe El Nino.

The sweltering weather, said the ministry, could trigger a heatwave, posing health risks such as heat-strokes.

Despite the heat, water levels at all main dams in the country are still holding out.

National Water Services Commission (SPAN) chief executive officer Datuk Mohd Ridhuan Ismail said current water production and consumption was not at a worrying stage.

Minister of Energy, Green Technology and Water Datuk Seri Dr Maximus Ongkili said there was

sufficient water supply at dams nationwide. The dams are being monitored daily.

"The sensitive areas are usually Johor, Selangor, Kedah and Penang," he added.

Lembaga Urus Air Selangor (Luas) said the water level at the seven dams in Selangor remained at more than 70%.

The water in Penang's dams are also above 70% with enough supply until the rains next month.

In Johor Baru, Agriculture and Agro-based Industry exco chairman Ismail Mohamed said the state government had implemented various

measures to alleviate the situation.

"We have acquired 'deep wells' from the Agriculture and Agro-based Industry Ministry for 66 farmers in Johor's largest vegetable cultivation at Senggang Batu 18, Bukit Gambir," he said.

Farmers, he said, were also encouraged to use fertigation and hydroponics to ensure that they could at least meet the minimum demand during the dry spell.

In Kuala Terengganu, an academician said the drastic sea temperature rise would adversely impact not only coral reefs but marine life and biodiversity as well.

Guidelines on heatwave

EL NINO: Similar to haze measures, says Wan Junaidi

AZURA ABAS
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

MALAYSIA is expected to have its own set of guidelines on measures to be taken when the country is hit by extreme hot and dry weather.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, however, de-

clined to reveal the details of the guidelines before the cabinet had given its approval.

He only hinted that the guidelines would include a wide range of measures, including at what temperature should schools be advised to close, when to conduct cloud seeding and when to start water rationing exercise.

"It will be something similar to what we have for haze. It focuses on the measures that can be taken during heatwave if the country records 35°C for five consecutive

days or 37°C for three days straight.

"We will table the formation of a special committee tasked to address issues related to extreme hot and dry weather to the cabinet this Friday (tomorrow)," he said after chairing a two-hour special meeting to discuss about the steps to be taken during the hot and dry spell yesterday.

Wan Junaidi said the cabinet would have to decide whether the special committee would be under his ministry or the

Science, Technology and Innovation Ministry.



Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar

He said the hot and dry spell had seen five dams recorded water levels of below 50 per cent, namely the Labong dam, Johor, at 14.4 per cent; Gemencheh dam, Negri Sembilan (22.2 per cent); Bukit Kwong dam, Kelantan (31.5 per cent); Padang Saga, Kedah, (35 per cent) and Timah Tasoh dam, Perlis (40.8 per cent).

The Environment Department had recorded 617 open burning cases between January and March 14 (Monday), Wan Junaidi said.

He said the country is now experiencing the El Nino phenomenon and the temperature could go higher during equinox, when the sun is nearer to the equator.

The phenomenon is expected to last for a few days starting from Sunday.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail was reported as saying on Tuesday that high temperatures in some areas could breach the 40°C threshold, close to the hottest day ever recorded in the country at 40.1°C in Chuping, Perlis, 18 years ago.

States that suffer the most from the El Nino effect are Perlis, Kedah, northern Perak, eastern Sarawak and Sabah.

On another matter, Wan Junaidi said he hoped Barisan Nasional would win big in the upcoming election in Sarawak.

Action plan to tackle heat

Special committee to deal with hot and dry weather matters

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The Government will be drawing up an "action plan" on how to tackle the hot and dry season in Malaysia, caused by the El Nino phenomenon.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the Cabinet would be asked to approve a special committee on hot and dry weather matters.

Speaking after chairing a special meeting on the heatwave, he said the action plan would serve as a guideline for the public to plan daily activities and precautions during the heatwave.

The actions could include closing schools or stopping all outdoor activities at school.

Dr Wan Junaidi said the proposed special committee would be a permanent body that will issue public warnings and advisories whenever a hot spell occurs in the country.

"The El Nino phenomenon

did not just occur this year, it hit us in 1997 and 1998, and it happens from time to time, with varying degrees of intensity."

He also said the Cabinet would be the one to finalise the action plan that would be taken when the heat reaches certain threshold levels.

"According to the Meteorological Department, a 'heatwave' is declared when the temperature of an area is over 35°C for five days in a row, or over 37 °C for three days in a row.

"But the heatwave is only declared at the areas that records the trend, not the whole country."

He added that the Cabinet would also decide if the special committee would be headed by his ministry or the Science, Technology and Innovation Ministry.

The Department of Environment has recorded 617 cases of open burning this year, up till March 14, and compounds have been issued for 52 cases, said Dr Wan Junaidi.

TIPS FOR KEEPING WELL DURING HOT SEASON



Drink lots of water regardless of level of activity

Stay indoors and reduce outdoor activities



Use fan or air-conditioning to cool down body

Reduce caffeinated, alcoholic and sweet drinks



Use sun block (best if SPF 30 and above)



Wear light coloured and loose clothing

Drink Isotonic drinks to replace salt loss from sweating



Wear a hat or use an umbrella to protect from the sun



Don't sit in car for too long without air-conditioning

Source: Health Ministry



Cadangan Tubuh Jawatankuasa Khas Mengenai Cuaca Panas Dibawa Ke Kabinet

PUTRAJAYA, 16 Mac (Bernama) -- Cadangan pembentukan sebuah jawatankuasa khas bagi membincangkan pelan tindakan bagi menghadapi cuaca panas dan kering akan dibawa ke mesyuarat Kabinet Jumaat ini, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata jawatankuasa tetap perlu diwujudkan bagi memberi makluman kepada masyarakat mengenai tindakan yang perlu diambil memandangkan fenomena cuaca panas dan kering tetap berlaku dari semasa ke semasa.

"Kabinet akan menentukan sama ada jawatankuasa ini diletak di bawah kementerian ini atau Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana kedua-dua kementerian mempunyai peranan berkaitan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas bagi membincangkan cuaca panas yang melanda negara, di sini Rabu.

Mesyuarat itu turut melibatkan beberapa kementerian dan jabatan kerajaan antaranya Jabatan Meteorologi, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Selain itu, katanya, cadangan garis panduan menyeluruh bagi menghadapi cuaca panas dan kering serta fenomena gelombang haba akan turut dibawa ke Kabinet, yang antara lain merangkumi langkah yang boleh diambil oleh orang ramai dalam merancang aktiviti harian termasuk mengenai penjagaan kesihatan.

Wan Junaidi berkata garis panduan itu juga melibatkan pelan tindakan untuk jabatan dan agensi kerajaan termasuk mengenai aktiviti persekolahan yang mungkin terjejas akibat cuaca panas.

"Gelombang haba terjadi apabila suhu di sesebuah kawasan meningkat kepada 35 darjah Celsius selama lima hari berturut-turut dan dua darjah di atas min suhu selama 20 tahun, atau 37 darjah Celsius selama tiga hari berturut-turut," katanya.

Beliau berkata gelombang haba tidak terjadi di seluruh negara dan lokasinya akan dapat dikesan oleh stesen-stesen Jabatan Meteorologi.

Mengulas mengenai cuaca panas dan kering yang dialami di beberapa kawasan di seluruh negara ketika ini, Wan Junaidi berkata ia bukan disebabkan fenomena ekuinoks tetapi akibat fenomena El Nino yang dijangka berakhir menjelang pertengahan tahun ini.

Katanya terdapat lima kawasan yang mencatatkan suhu tertinggi iaitu Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Lubuk Merbau, Perak; serta Batu Embun dan Temerloh di Pahang.

Wan Junaidi berkata antara pertengahan Mac hingga pertengahan April ini, suhu di utara Semenanjung Malaysia boleh mencapai 40 darjah Celsius, manakala di kawasan lain boleh mencapai antara 35 hingga 37 darjah Celsius.

Bagi menangani cuaca panas dan kering, beliau berkata beberapa tindakan telah diambil termasuk mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka di seluruh negara bermula 12 Jan lepas dan Prosedur Tetap Operasi Program Pencegahan dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar.

Katanya pada tahun ini sehingga 14 Mac lepas, Jabatan Alam Sekitar mengesan 617 kes pembakaran terbuka di seluruh negara dengan 52 kes dikenakan kompaun dan tiga kes disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah.

Jabatan Bomba dan Penyelamat pula melaporkan 6,893 kes kebakaran berlaku di seluruh negara melibatkan kebakaran kebun dan ladang, hutan, belukar serta sampah.

Selain itu, katanya, sehingga 15 Mac, sebanyak lima empangan mencatatkan paras air di bawah 50 peratus iaitu Empangan Labong, Johor sebanyak 14.4 peratus; Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan (22.2 peratus); Empangan Bukit Kwong, Kelantan (31.5 peratus); Empangan Padang Saga, Kedah (35 peratus); dan Empangan Timah Tasoh, Perlis (40.8 peratus).

-- BERNAMA



Fenomena El Nino Jejaskan Pengeluaran Dan Jadual Penanaman Padi - MARDI

Oleh Kenny Teng Khoon Hock

GEORGE TOWN, 16 Mac (Bernama) -- Fenomena El Nino yang berlarutan dijangka menjejaskan pengeluaran dan jadual penanaman padi luar musim untuk tahun ini, kata Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Pulau Pinang Azmi Abdul Razak.

Azmi berkata proses penuaian padi dilakukan Januari lepas dan sepatutnya penanaman akan bermula akhir Mac atau awal April namun sehingga kini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) masih belum dapat membekalkan air.

Katanya, penanaman luar musim untuk tahun ini amat bergantung kepada JPS dan mungkin disebabkan musim kemarau, bekalan air masih belum dapat dibekalkan.

"Sekiranya fenomena El Nino ini berlarutan, saya menjangkakan pengeluaran padi di daerah Seberang Perai Utara ini akan terjejas dan jadual penanaman juga terpaksa dilanjutkan," katanya kepada Bernama di sini ketika dihubungi Rabu.

Katanya, mengikut jadual yang dikeluarkan JPS dengan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan, bekalan air akan diberikan pada 11, 21 dan 31 Mac namun sehingga hari ini, air masih belum mencukupi untuk memulakan penanaman baru.

Menurut laporan Jabatan Meteorologi pada 8 Mac lepas, cuaca panas berikutan fenomena El Nino yang dialami sekarang diramal kembali normal pada Jun.

Sementara itu, seorang pengusaha dusun buah-buahan di Balik Pulau, Tang Boon Ley berkata pengeluaran buah-buahan dijangka berkurangan dan harga mungkin lebih mahal berbanding musim-musim lepas berikutan keadaan cuaca yang sangat panas.

Beliau berkata banyak anak pokok-pokok buah limau, cempedak dan rambutan telah gugur akibat cuaca panas yang mencecah 38 darjah Celsius dan kebanyakannya terpaksa ditanam semula.

"Saya juga terpaksa membina pelbagai saluran air yang baru supaya dapat menyalurkan air yang mencukupi khususnya untuk anak-anak pokok buah-buahan yang masih belum matang untuk menghadapi musim panas ini," katanya.

Katanya bagi pokok-pokok yang matang, beliau juga terpaksa menyiramnya setiap hari supaya tidak kekeringan.

Tang berkata fenomena ini mengakibatkan beliau mengalami kerugian kerana terpaksa berbelanja lebih bagi membina saluran air manakala pengeluaran buah juga berkurangan.

-- BERNAMA



Hujan Dua Jam Dinginkan Bandar Taiping

TAIPING, 16 Mac (Bernama) -- Hujan yang turun selama hampir dua jam semalam dan lewat petang ini mengakhiri penantian selama hampir dua minggu penduduk Taiping.

Turunnya anugerah alam ini meredakan seketika cuaca panas dan kering di daerah ini yang terkenal sebagai daerah paling lembab di Malaysia.

Ia benar-benar memberi kelegaan kepada penduduk di sini setelah mengalami keadaan "panas lit-lit", dalam loghat utara bermaksud panas terik.

Seorang peniaga Lim Ah Beh, 45, berkata, "Hujan yang turun tiba-tiba ini memberikan kelegaan, kerana cuaca menjadi tidak terlalu panas," katanya ketika ditemui di sini.

Bagi Robiah Ahmad, 35, hujan yang turun cukup untuk mendinginkan sedikit keadaan panas sejak hampir dua minggu.

Cuaca panas sekarang membuatkan suri rumah itu hanya keluar rumah pada sebelah pagi untuk ke pasar.

Sementara itu, jurucakap [Jabatan Meteorologi di Petaling Jaya](#), ketika dihubungi berkata suhu di Taiping ketika ini mencecah 35 darjah Celsius.

Hujan yang turun semalam mencatat ukuran hanya 0.4 milimeter, katanya.

Biasanya, Taiping mempunyai iklim panas dan sederhana, dengan jumlah hujan yang besar sepanjang tahun.

Purata suhu setahun di Taiping 22.2 darjah Celsius. Purata hujan turun 1,631 mm.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana Landa Kepulauan Talaud

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.4 pada skala Richter, melanda Kepulauan Talaud pada 9.09 malam ini.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa bumi itu berpusat 165 kilometer ke barat laut Pulau Talaud dekat Indonesia dan 743 kilometer ke timur laut Semporna, Sabah.

Gempa bumi tersebut tidak menimbulkan ancaman tsunami, kata jabatan itu dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 20
TARIKH: 17 MAC 2016 (KHAMIS)

Kuala Lumpur

'Didakwa' boleh sembuh penyakit

Berbekalkan RM190.80, pengguna dengan cepat dan senang memperoleh dua keping kad jimat tenaga dikatakan dapat mengelakkan pembaziran elektrik sehingga mampu menjimatkan 30 peratus tenaga.

Seorang penjual kad yang dikenali sebagai Ashraf mendakwa, kad itu tidak memberi sebarang masalah selepas diuji dalam makmal nuklear, malah diakui Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

"Tidak perlu risau, SIRIM

kata tiada kesan sampingan dan selamat digunakan.

"Harga pun tidak mahal dan sesuai digunakan semasa musim panas yang melanda negara sekarang," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Kata Ashraf yang mendapatkan bekalan kad itu di sebuah negeri di Pantai Timur, semakin ramai percaya akan keberkesanan penggunaan kad itu.

"Ia mendapat permintaan ramai dan penjualannya semakin laris, malah, berkesan menyembuhkan penyakit," katanya.